

07 DEC 1999

Ling-MCA

MCA ENGGAN BICARA KEADAAN SEMASA DI PULAU PINANG

KUALA LUMPUR, 7 Dis (Bernama) -- MCA akan menghalang dirinya daripada membicarakan mengenai perkara yang berkaitan dengan keadaan semasa Pulau Pinang berikutan dua anggota dewan undangan negeri (Adun) keluar dari Gerakan, kata presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, hari ini.

Beliau berkata mesyuarat Majlis Presiden MCA hari ini memutuskan bahawa parti itu akan melaksanakan halangan tegas berhubung keadaan di Pulau Pinang, yang kini agak "bergelombang", demi kepentingan Barisan Nasional (BN) dan kestabilan di negeri itu.

"Apa yang MCA tahu ialah parti ini akan terus melaksanakan halangan besar ini. Kami akan menghalang diri kami daripada memberi maklum balas kepada banyak provokasi yang kami berpendapat adalah tidak perlu," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat itu, di sini.

Beliau berkata MCA mahu keadaan itu kembali tenang dan kerajaan negeri segera dibentuk bagi memulakan tugasnya.

"Kami tidak akan menambah cakap-cakap yang ada sekarang," katanya.

Adun Gerakan Bayan Lepas Lim Chien Aun dan Adun Datuk Keramat Lim Boo Chang keluar dari parti itu pada 2 Dis dan menganggap diri mereka sebagai anggota Bebas di bawah BN.

Ditanya sama ada majlis itu membincangkan kemasukan kedua-dua Adun itu atau mereka memohon menyertai MCA, Dr Ling berkata beliau tidak menerima sebarang permohonan daripada mereka.

"Adalah terlalu awal untuk membincangkan perkara ini. Apabila kami terima (permohonan), sudah pasti kami akan membincangkannya," katanya.

Ditanya senarai MCA bagi jawatan empat menteri, enam timbalan menteri dan dua setiausaha parlimen, Dr Ling berkata beliau telah menyerahkan senarai parti kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya menyerahkan bahagian (MCA) kami kepada Dr Mahathir dan Perdana Menteri berhak untuk memutuskannya," katanya.

Ditanya akan ada kejutan dalam senarai kabinet MCA itu, beliau berkata parti itu tidak meminta sebarang pertukaran dan menjangka ia akan dikekalkan.

Bagaimanapun, katanya terdapat perubahan dalam jawatan timbalan menteri.

Mengenai perkara yang dibincangkan pada mesyuarat itu, Dr Ling berkata majlis itu bersetuju untuk menerima peletakan jawatan Datuk Lim Ah Lek sebagai pengerusi MCA negeri Pahang dan Perak.

Ah Lek, yang juga timbalan presiden MCA, tidak bertanding pada pilihan raya umum baru-baru ini.

Dr Ling berkata parti itu juga berterima kasih kepada Ah Lek di atas perkhidmatan dan sumbangan beliau terutamanya di Pahang.

Beliau berkata majlis itu juga melantik Datuk Ong Ka Chuan sebagai pengerusi baru Perak manakala Datuk Chan Kong Choy sebagai pengerusi negeri Pahang.

"Kami yakin kedua-duanya dapat terus berkhidmat dengan baik dan meningkatkan keadaan di kedua-dua negeri berkenaan," katanya.

Dr Ling berkata MCA juga mengucapkan terima kasih kepada semua anggota parti dan rakyat kerana menyokong parti itu dan BN pada pilihan raya umum ke-10 dan berjanji parti itu tidak akan mengabaikan mereka.

Ditanya mengenai cukai Kharaj ke atas bukan Islam yang dilaksanakan

oleh kerajaan negeri Terengganu pimpinan PAS, Dr Ling berkata pakar perundangan parti sedang mengkajinya dan akan memberi taklimat mengenainya kepada parti tidak lama lagi.

-- BERNAMA

HS NAK